



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MAKNA LIRIK LAGU RAKYAT KANAK-KANAK ETNIK BUNDU DALAM KONTEKS PENDIDIKAN BAHASA KADAZANDUSUN

FARAYNELD BRYN FABIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



MAKNA LIRIK LAGU RAKYAT KANAK-KANAK ETNIK BUNDU
DALAM KONTEKS PENDIDIKAN BAHASA KADAZANDUSUN

FARAYNELD BRYN FABIAN



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENYELIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





Sila tandai (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

☐
☒
☐
☐

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁰.....(hari/bulan).....⁹..... (bulan) 2025..

I. Perakuan pelajar:

Saya, TARAJIBO BINA TARANI, M20191000155 (FAKULTI BAHASA & KOMUNIKASI) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MAANA LIRIV LAGU RAKYAT KANAK-KANAK ETNIK BUNGU DALAM KONTEK TEKSTUAL BAHASA KADAJANGDUGUN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejujurnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

II. Perakuan Penyelia:

Saya, DR MINAH BINTI SINTIAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MAANA LIRIV LAGU RAKYAT KANAK-KANAK ETNIK BUNGU DALAM KONTEK PENYELIDIKAN BAHASA KADAJANGDUGUN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/seperuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IAS IAMA PENDIDIKAN BAHASA KADAJANGDUGUN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10/9/2024

Tarikh


Tandatangan Penyelia

DR. MINAH BINTIAN
Penyarah Kanan
Jabatan Bahasa dan Komunikasi Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35000 Tanjung Malim Perak

10/9/2024



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: MAKNA LIRIK LAGU RAKYAT KANAK-KANAK SINGKAPURA DALAM KONTENG PENDIDIKAN BAHASA KAJANGANDUNIA

No. Matrik / Matric's No.: M20191000755

Saya / I: RAHMELD BAYU BAKIAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang bertajuk keselamatan atau keselamatan Malaysia seperti yang termaksud dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 10 / 9 / 2024


(Tandatangan Penyelia / Supervisor's Signature)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Seal)
DR. MIHAN SINTIAN
Penyarah Kanak-
Bahasa dan Keselamatan Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

10 / 9 / 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab-sebab dan tempoh laporan ini perlu classified sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Salam sejahtera dan salam damai, dengan penuh rasa syukur dan berterima kasih atas cinta kasih Tuhan. Pertama sekali, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran ilahi kerana dengan izin, limpah karunia dan keberkatan-nya, maka pengkaji dapat menyiapkan kajian ini bagi memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Pendidikan Bahasa Kadazandusun Universiti Pendidikan Sultan Idris. Di kesempatan ini juga, pengkaji ingin menyampaikan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia yang dihormati Dr. Minah Sintian atas nasihat, dorongan, bantuan, serta tunjuk ajar dalam proses menyempurnakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada Dr. Rosliah Kiting dan Profesor Madya Dr. Norjietta Julita Binti Taisin selaku pensyarah minor Pendidikan Bahasa Kadazandusun yang turut serta dalam memberi idea, sokongan serta menyumbangkan inspirasi kepada pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Dengan berkat, tunjuk ajar, kesabaran dan keletihan, pengkaji berharap Tuhan membalas dengan kemurahan rezeki serta kesihatan badan agar mampu terus berkarya dan membentuk lebih ramai generasi muda yang berpendidikan. Akhir sekali, pengkaji juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung iaitu ahli keluarga, rakan-rakan seperjuangan, dan juga tidak lupa kepada informan serta staff-staff universiti yang telah memberi kerjasama dalam kajian ini. Semoga semuanya terus diberkati, dilindungi dan dimudahkan rezeki.

Sekian Terima Kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti lagu rakyat etnik Bundu yang merupakan sebahagian daripada sastera lisan yang diwarisi sejak turun-temurun. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti makna lirik lagu rakyat kanak-kanak etnik Bundu dan menghuraikan fungsi pendidikan dalam lirik lagu tersebut. Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif. Data diperolehi melalui temu bual di daerah Tuaran dan daerah kecil Kiulu. Seramai enam orang informan ditemu bual untuk mendapatkan sembilan buah lagu rakyat kanak-kanak. Data dianalisis secara deskriptif dengan menterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Kajian menunjukkan bahawa lagu-lagu rakyat itu mempunyai makna tersurat dan tersirat. Dari lirik lagu itu seperti '*pai pai londupai*', '*giu giu sosonduk*', '*tuntura*', '*kokoriu*', '*lumpis do kasalagan*' dan sebagainya menggambarkan budaya etnik Bundu yang berunsur kekeluargaan, mesra dengan alam sekitar dan bekerja sebagai petani masih relevan sehingga kini. Lagu rakyat kanak-kanak tersebut juga mempunyai beberapa fungsi pendidikan seperti mengamalkan sikap menghormati sesama manusia, menjaga dan memelihara perkataan yang baik dan benar, menanam kesedaran penting memiliki kepandaian dan pengetahuan serta menggalakkan sikap sabar dalam menjalani kehidupan seharian. Kesimpulannya, kajian ini mendapati lagu-lagu rakyat etnik Bundu mempunyai makna tersurat dan tersirat yang berfungsi sebagai pendidikan kepada pelajar. Implikasi kajian adalah dapat mendokumentasikan lagu-lagu rakyat yang sesuai sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.





MEANING OF LYRICS IN ETNIK BUNDU CHILDREN'S FOLK SONGS IN THE CONTEXT OF KADAZANDUSUN LANGUAGE EDUCATION

ABSTRACT

The aim of this study is to examine the folk songs of the Bundu ethnic which are part of the oral literature that has been passed down from generation to generation. The objectives of this research are to identify the meaning of Bundu ethnic children's folk songs and to intricate the educational role through the lyrics. The methodology used in this research is qualitative. The data of this research were obtained through interviews in the Tuaran district and the small district of Kiulu. Six participants were interviewed to attain nine children's folk songs. The data were analyzed descriptively by transcribing the data into Malay. The findings reveal that the folksongs contain an implicit and explicit meanings. The cultures of Bundu ethnic which include kinship, being good to nature, working as farmers were described through the lyrics in "*pai pai londupai*", "*giu giu sosonduk*", "*tuntura*", "*kokoruu*", and "*lumpis do kasalagan*" are still relevant even nowadays. The children's folk songs mentioned above also incorporate some educational roles such as practicing respecting each other, nurturing good and faithful words while conversing, fostering the awareness of the importance in having skills and knowledge, and encouraging patience in daily life. In conclusion, this research has found that Bundu ethnic folk songs has implicit and explicit meaning that acts as a role in students' education. The implication of the study is to be able to document folk songs that are suitable as teaching and learning material for the Kadazandusun Language.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI CARTA	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Kajian	3
1.3. Pernyataan Masalah	10
1.4. Objektif Kajian	14
1.5. Soalan Kajian	14
1.6. Kepentingan Kajian	15
1.6.1 Kementerian Pelajaran Malaysia	16
1.6.2 Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)	16



1.6.3	Guru-guru Bahasa Kadazandusun	17
1.6.4	Penulis-penulis Buku	17
1.6.5	Pelajar	17
1.6.6	Pemimpin-pemimpin adat	18
1.7.	Batasan Kajian	18
1.8.	Definisi Operasional	19
1.8.1	Makna	19
1.8.2	Nilai Murni	20
1.8.3	Fungsi Pendidikan	20
1.8.4	Lirik Lagu Rakyat Kanak-kanak	22
1.9.	Rumusan	25

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1.	Pengenalan	26
2.2.	Kajian Terdahulu berkaitan Tradisi Lisan Kadazandusun	28
2.3	Fungsi Sastera	32
2.4.	Konsep Dan Peranan Lirik Lagu	34
2.5.	Penggunaan Lagu Dalam Pendidikan	37
2.6.	Kajian Lirik Lagu Rakyat Kanak-Kanak	45
2.7.	Teori Kajian	51
2.7.1	Teori Budaya	52



2.7.2	Teori Budaya Rokeach (1979)	55
2.7.3	Model Fungsi Pendidikan Kiting (2016)	58
2.8	Kerangka Teoritik	59
2.9	Rumusan	60

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1.	Pengenalan	61
3.2.	Reka Bentuk Kajian	62
3.2.1	Strategi Kajian	65
3.3.	Kaedah Mengumpul Data	67
3.3.1	Pemilihan Lokasi Kajian	68
3.3.2	Rundingan Memasuki Lokasi Kajian	69
3.3.3	Cara Akses Awal Dengan Informan	70
3.3.4	Pemilihan Informan	71
3.4.	Mengumpul Data	78
3.4.1	Temu Bual	79
3.4.2	Rakaman	87
3.5.	Analisis Data	88
3.5.1	Mentranskripsi	90
3.5.2	Penterjemahan	91
3.5.3	Menyusun Atur Data	94



3.5.4	Memahami Data	95
3.5.5	Pengkategorian	95
3.5.6	Pengekoden	96
3.5.7	Persembahan Data	97
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	97
3.6.1	Kesahan Dalaman atau Kreditibiliti	99
3.6.2	Kesahan Luaran atau Keboleh Pindaan	102
3.6.3	Kebolehpercayaan atau Keboleh sandaran	103
3.6.4	Objektiviti atau Pengesahan	104
3.7	Kerangka Konseptual	105
3.8	Rumusan	106

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	107
4.2	Demografi Informan	108
4.3	Dokumentasi Lagu Rakyat Kanak-kanak Etnik Bundu	111
4.4	Analisis Makna Lagu Rakyat Kanak-kanak Etnik Bundu	116
4.4.1	Analisis Makna Lagu Rakyat (L1)	131
4.4.2	Analisis Makna Lagu Rakyat (L2)	134
4.4.3	Analisis Makna Lagu Rakyat (L3)	137
4.4.4	Analisis Makna Lagu Rakyat (L4)	146

4.4.5	Analisis Makna Lagu Rakyat (L5)	148
4.4.6	Analisis Makna Lagu Rakyat (L6)	151
4.4.7	Analisis Makna Lagu Rakyat (L7)	153
4.4.8	Analisis Makna Lagu Rakyat (L8 & L9)	156
4.5	Analisis Fungsi Pendidikan Lagu Rakyat Kanak-kanak	159
4.5.1	Pendidikan Lagu Rakyat (L1)	165
4.5.2	Pendidikan Lagu Rakyat (L2)	167
4.5.3	Pendidikan Lagu Rakyat (L3)	169
4.5.4	Pendidikan Lagu Rakyat (L4)	171
4.5.5	Pendidikan Lagu Rakyat (L5)	173
4.5.6	Pendidikan Lagu Rakyat (L6)	175
4.5.7	Pendidikan Lagu Rakyat (L7)	177
4.5.8	Pendidikan Lagu Rakyat (L8 & L9)	179
4.6	Rumusan	181

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	182
5.2	Rumusan Kajian Bab 1,2 dan 3	183
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	189
5.3.1	Perbincangan Makna Lagu Rakyat L1 & L2	191
5.3.2	Perbincangan Makna Lagu Rakyat L3	194



5.3.3	Perbincangan Makna Lagu Rakyat L4	198
5.3.4	Perbincangan Makna Lagu Rakyat L5	201
5.3.5	Perbincangan Makna Lagu Rakyat L6	204
5.3.6	Perbincangan Makna Lagu Rakyat L7	206
5.3.7	Perbincangan Makna Lagu Rakyat L8 & L9	211
5.4	Pendidikan Lagu Rakyat Kanak-Kanak Etnik Bundu	214
5.4.1	Fungsi Pendidikan Lagu Rakyat L1 & L2	224
5.4.2	Fungsi Pendidikan Lagu Rakyat L3	228
5.4.3	Fungsi Pendidikan Lagu Rakyat L4	232
5.4.4	Fungsi Pendidikan Lagu Rakyat L5	237
5.4.5	Fungsi Pendidikan Lagu Rakyat L6	242
5.4.6	Fungsi Pendidikan Lagu Rakyat L7	245
5.4.7	Fungsi Pendidikan Lagu Rakyat L8 & L9	249
5.5	Implikasi Kajian	250
5.6	Cadangan Pengaplikasian Hasil Penyelidikan dalam PDP	259
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	273
5.8	Rumusan	278
	RUJUKAN	279
	LAMPIRAN	292





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1. Contoh Jadual Ke Lapangan	79
4.1. Analisis Demografi Informan	108
4.2. Bilangan Data Berdasarkan Informan	110
4.3. Dokumentasi Lagu Rakyat Kanak-Kanak Etnik Bundu	111
4.4. Kod Elemen Fungsi Pendidikan Kiting (2016)	160
4.5. Pengkodan Lagu Rakyat Berdasarkan Model Fungsi Pendidikan	161
5.1. 18 Nilai Universal	215
5.2. Lagu Rakyat Kanak-Kanak Berdasarkan Nilai Universal	221
5.3. Elemen Konsep Sekolah Sejahtera	262
5.4. Cadangan penerapan dalam lagu Pai Pai Londupai	265
5.5. Cadanagn Rancangan Pengajaran Harian	266



**SENARAI RAJAH****No. Rajah****Muka Surat**

2.1.	Nilai Terminal Dan Nilai Instrumenta	57
2.2.	Elemen Fungsi Pendidikan Kiting (2016)	58
2.3.	Kerangka Teoritikal Kajian	59
3.2.	Model Asas Terjemahan Larson (1984)	92
3.3.	Kerangka Konsepsual	105
5.1.	Model Asas Terjemahan Larson (1984)	189



SENARAI CARTA

No. Carta	Muka Surat
4.1. Analisis Demografi Informan	109
4.2. Carta Dapatan Kajian Daripada Informan	110

SENARAI SINGKATAN

BKD	Bahasa Kadazandusun
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
RPH	Rancangan Pengajaran Hari



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pengenalan

Setiap bangsa mempunyai karya yang menjadi khazanah. Karya tersebut terdiri daripada tradisi lisan ataupun karya moden. Demikian juga dengan etnik Bundu yang kaya dengan karya terutamanya dalam bentuk tradisi lisan. Salah satu karya tersebut adalah lagu rakyat. Etnik Bundu merupakan salah satu etnik dalam rumpun Kadazandusun (Roslih Kiting, 2016; Aman Sirom & Benedict Topin, 2017).

Lagu rakyat merupakan lagu yang berkembang pada masyarakat tertentu yang perkembangannya secara lisan daripada mulut ke mulut dan dianggap sebagai milik





bersama. Menurut Hasna Aufa Afifa dan Isnin Ainie (2017) lagu rakyat atau lagu tradisional merupakan salah satu karya yang dapat dinikmati sebagai media hiburan yang memiliki banyak makna yang terkandung di dalamnya. Ini menunjukkan bahawa lagu rakyat tercipta daripada kesedaran dan keinginan pengarang atau masyarakat pemiliknya untuk berkongsi maklumat dan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupannya.

Lazimnya, mereka menggunakan sumber daripada persekitaran, pengalaman, pemerhatian atau pembacaannya untuk mengetengahkan sesuatu yang menarik untuk dikongsi. Ini disebabkan lagu rakyat sebagai Siti Noor Riha Sulong dan Normaliza Abd Rahim (2017) bahawa sebuah karya sastera tidak dihasilkan dengan kekosongan atau tanpa sebab, sebaliknya teks atau karya sastera adalah rakaman imaginasi pengarang yang di dalamnya sarat dengan maklumat dan isi sama ada bersifat keintelektualan mahupun kerohanian. Setiap yang dipaparkan dalam karya tersebut mempunyai tujuan dan fungsinya yang tersendiri berdasarkan pertimbangan dan pengamatan pengarangnya. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk merungkai salah satu karya tradisi etnik Bundu iaitu lirik lagu rakyat.

Etnik Bundu dipilih kerana bahasa dalam etnik ini merupakan salah satu bahasa yang digunakan sebagai asas pemiawaian dan pembakuan Bahasa Kadazandusun dalam penulisan dan pertuturan di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda Pelajar iaitu Bahasa Kadazandusun di sekolah dan institusi pengajian tinggi seperti yang termeterai dalam Perjanjian Perisytiharan Bahasa Kadazandusun Sebagai Bahasa



Standard di Antara Kadazan Dusun Cultural Association dan United Sabah Dusun Association pada 24 Januari 1995 dan Perisytiharan Persetujuan Dialek Bundu Liwan Sebagai Dialek Asas Piawaian dan Pembakuan Bahasa Kadazandusun pada 11 April 1995 (Amman Sirom & Benedict Topin, 2017).

1.2 Latar Belakang

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun telah dimulakan pada tahun 1997 di sekolah rendah kemudian di sekolah menengah pada tahun 2005. Data pada tahun 2018 menunjukkan bahasa Kadazandusun diajar di 374 sekolah rendah dengan 40,862 murid. Terdapat 45 sekolah menengah yang menawarkan subjek Bahasa kadazandusun dengan 5868 pelajar. Bilangan keseluruhan guru adalah 1194 dengan pecahan 1100 guru di sekolah rendah dan 94 guru di sekolah menengah. Jumlah ini telah meningkat pada tahun 2020 iaitu jumlah sekolah rendah yang menawarkan subjek ini adalah sebanyak 410 sekolah dengan jumlah murid 47191 orang manakala sebanyak 44 buah sekolah menengah dengan jumlah pelajar seramai 6199 orang (Rosliah Kiting, Farayneld Bryn Fabian, Minah Sintian, Julita Norjietta Taisin & Chemaline Osup, 2020).

Hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Akta Pendidikan 1996) adalah usaha berterusan untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha tersebut bertujuan untuk melahirkan warganegara yang berilmu



pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Sementara itu, pengetahuan dan kefahaman nilai murni akan menimbulkan kesedaran dan penghayatan pelajar tentang pelbagai gejala sosial dan mempengaruhi amalan dan tindakan seseorang.

Justeru itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (1990) dalam (Mohamad Khairi Othman, 2015) telah menggariskan ciri-ciri rakyat Malaysia yang berakhlak mulia adalah mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai baik dan buruk, mempunyai kesedaran tentang kesan daripada perbuatan yang baik dan buruk, mempunyai keyakinan terhadap nilai-nilai murni, menghayati segala nilai mulia yang merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan dan seterusnya mengamalkan perlakuan yang baik dan menghindari perlakuan yang buruk. Hal ini menjelaskan kepentingan penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran yang meliputi bahan-bahan pembelajaran yang digunakan.

Perkembangan dan pembangunan kehidupan manusia pada masa kini dan akan datang bukan lagi semata-mata bergantung kepada tenaga buruh dan mesin, malah perlu bergerak berlandaskan perkembangan dan penggunaan pengetahuan yang berasaskan kepada perkembangan kreativiti. Bagi memenuhi keperluan perkembangan kreativiti kanak-kanak, perkembangan imaginasi perlu diberi perhatian berterusan sehingga ke peringkat dewasa kerana idea yang baru tidak akan muncul sekiranya kemampuan berimaginasi tidak dipupuk dan diberi perhatian. Ini adalah kerana peringkat awal



kanak-kanak adalah merupakan peringkat asas pencerahan terhadap perkembangan kreativiti (Yang et al., 2016). Transformasi pendidikan negara kini telah memasuki gelombang ke-2 (2016-2020) ke arah melaksanakan perubahan struktur pendidikan bagi melonjak perubahan pendidikan bagi merealisasikan pencapaian kualiti pengajaran dan pembelajaran. Era globalisasi meletakkan Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Untuk menjadi sebuah negara membangun, rakyat Malaysia perlu meningkatkan daya saing dan meningkatkan kualiti pendidikan negara bertaraf dunia. Oleh yang demikian, matlamat Falsafah Pendidikan Negara adalah bertujuan untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu dalam pelbagai aspek melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan subur melalui pendekatan yang seronok, kreatif dan bermakna.

Tujuannya adalah untuk menyediakan kanak-kanak yang mampu dan bersedia untuk menangani sebarang bentuk cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Dalam memastikan pendekatan yang seronok, kreatif dan bermakna, sudah pastilah ianya terletak pada kemampuan guru untuk melaksanakannya. Dengan adanya pelbagai pendekatan yang bersifat kreatif dan menyeronokkan, sudah pasti perkembangan potensi kanak-kanak akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Misalnya melalui aktiviti nyanyian yang dijalankan di dalam kelas, akan dapat

menyumbang kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak dari segi intelek, emosi, fizikal, sosial dan estetika. Ini adalah kerana kegiatan nyanyian adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti harian mereka disertai dengan aktiviti bergerak, menari, bermain alat muzik dan juga menghasilkan bunyi- bunyian mereka sendiri.

Sehubungan dengan itu, usaha-usaha untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mampu menggenapkan kehendak dan keperluan masyarakat dan negara haruslah diperbanyakkan lagi. Lagu-lagu berunsurkan cerita rakyat atau lagu rakyat yang kaya dengan nilai-nilai amanat, mesej, nilai pendidikan dan sebagainya wajar diberikan pertimbangan ke arah merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

Selain itu, kajian berkaitan dengan lagu rakyat dapat memberikan pengenalan serba sedikit berkenaan cerita di sebalik lagu-lagu rakyat seterusnya dapat memberi pemahaman dan pengertian yang berguna kepada pembaca secara amnya. Sebagai sebuah genre yang berkembang pada masyarakat tertentu yang perkembangannya secara lisan daripada mulut ke mulut serta dianggap sebagai milik bersama, ianya adalah genre lagu yang hidup dan berkembang secara turun temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya.

Ia dikatakan sebagai lagu yang menceritakan tentang cerita rakyat kerana cerita ini hidup dalam kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, Siti Noor Riha Sulong dan Normaliza Abd Rahim (2017) menjelaskan bahawa kajian berkaitan dengan kepentingan dan fungsi yang terdapat dalam lagu rakyat penting untuk menambah dan

memperkembangkan minat terhadap sastera rakyat dalam kalangan masyarakat khususnya kanak-kanak.

Berkaitan dengan latar belakang masyarakat Kadazandusun, Rosliah Kiting (2016) menjelaskan bahawa etnik Bundu tergolong sebagai salah satu rumpun dalam masyarakat Kadazandusun yang merupakan masyarakat tertua menetap di Negeri Sabah. Hal ini dinyatakan oleh Arena Wati (1978) dalam kajiannya yang mendapati masyarakat Kadazandusun telah pun menetap di negeri ini sejak 3000 tahun sebelum Masihi. Begitu juga dengan dapatan Rutter (1929) dalam Yap Beng Ling (1993) turut menyatakan bahawa orang Kadazan Dusun adalah orang yang mula-mula sekali menduduki negeri Sabah. Mahathir Mohammad dalam Luping (1994) mengatakan Kadazandusun merupakan penduduk peribumi Sabah yang terbesar iaitu satu pertiga daripada jumlah penduduk Sabah. Istilah Kadazandusun merujuk kepada 40 etnik (Udong, 2006:23; Shim, 2007:185- 186) menjelaskan perpindahan etnik Bundu daripada Nunuk Ragang melalui Sungai Lidan dan Banjaran Crocker ke Tiung, Tomis, Koung, Lobong-Lobong, Bundu Tuhan dan juga Gondohon. Etnik ini turut berpindah lagi untuk mendapatkan penempatan di Giuk, Bongol, Kalawat, Togop dan Minangkob. Berdasarkan data senarai kampung daerah Tamparuli yang diperolehi daripada Pejabat Daerah Kecil Tamparuli Minangkob merupakan kampung yang terletak di bawah mukim Mangkaladoi dalam daerah Tamparuli. Hal ini menunjukkan etnik Bundu turut berpindah ke daerah Tamparuli. Oleh itu pemilihan daerah Tamparuli untuk melaksanakan kajian berkaitan dengan etnik Bundu adalah sesuai. Selain itu, daerah ini mempunyai penduduk Kadazandusun yang ramai iaitu lebih kurang 77% atau seramai 24,255 orang



berdasarkan data yang diperolehi daripada Pejabat Daerah (Rosliah Kiting, 2016).

Berdasarkan tinjauan awal, didapati dalam daerah ini terdapat penduduk dari Kg. Linsuk, Kg Tenghilan dan Kg. Tomis yang telah menjadi informan untuk kerja lapangan mengumpul tradisi lisan yang dilakukan oleh Topin (1995). Selain itu, ketika menghadiri perayaan pesta kaamatan dan majlis perkahwinan, didapati masih ada penduduk yang boleh menyampaikan lagu-lagu rakyat untuk kanak-kanak. Seterusnya, etnik Bundu dipilih sebab bahasa etnik ini diucapkan dan difahami oleh sebilangan besar penduduk Kadazandusun di Negeri Sabah (Udong, 1995:33). Bahasa etnik ini merupakan salah satu asas kepada pemiawaian Bahasa Kadazandusun yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Kadazandusun Cultural Association dan



United Sabah Dusun Assosiacion, 1995).

Aktiviti melafazkan lagu-lagu rakyat sebagai aktiviti kesenian etnik Bundu di Sabah mempunyai sejarahnya tersendiri yang unik. Menurut Rosliah Kiting et.al. (2016), aktiviti melafazkan lirik-lirik lagu rakyat sekadar memenuhi tuntutan kehidupan yang telah menjadi norma dan amalan adat etnik tersebut. Namun demikian, lama kelamaan aktiviti tersebut telah menjadi salah satu budaya lantaran nilai-nilainya mempunyai fungsi dan difikirkan penting untuk etnik tersebut. Asalnya etnik Bundu melafazkan lagu-lagu rakyat daripada amalan mendodoi atau membuai bayi yang lazimnya dilakukan oleh wanita dewasa khususnya para ibu untuk menidurkan bayi. Kata-kata yang diluahkan untuk menghiburkan atau mendodoi bayi ini mempunyai irama yang menarik malah dipercayai bahawa kata-kata yang disusun dan disampaikan dalam



bentuk lagu tersebut merupakan doa untuk kesejahteraan serta mampu membantu bayi dalam mempercepat tumbesaran. Aktiviti melafazkan lagu rakyat ini diwarisi secara turun temurun dari nenek moyang. Apabila mendengar kata-kata dodoian tersebut maka kebanyakan bayi apabila sudah membesar akan menyanyikan lagu tersebut bukan sahaja sebelum waktu tidur malah dalam mana-mana keadaan sekalipun, contohnya ketika masa lapang ataupun ketika berkumpul dengan kawan-kawan.

Adakalanya lirik lagu rakyat dalam menidurkan anak dalam bentuk larangan yang bertujuan mendidik bayi tersebut terhadap amalan hidup yang baik. Nasihat yang disampaikan melalui lagu akan mudah diingati oleh kanak-kanak dan menjadi panduan dalam melayari kehidupan mengikut adat dan bertatasusila seperti dalam lirik lagu

Odop, odop ondu,

*Odi meti o rogon (namatai) Mongigit dot ponobok doh tagayo Minongigit dot pais Odop,
odop ondu Rumikot no id dika...*

Terjemahan:

Tidur, tidur anak Itu roh si jahat

Membawa bujak yang besar Membawa pisau Tidur, tidur anak

Dia datang kepadamu...

(Sumber: Rosliah Kiting et.all. 2020)



Etnik Bundu kaya dengan pelbagai khazanah tradisi dan kreativiti tersendiri yang boleh dibangunkan sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran seperti lagu rakyat seperti tuntura. Namun demikian khazanah ini tidak lagi diminati oleh kanak-kanak masa kini kerana mereka lebih terdedah dengan pelbagai peralatan moden yang lebih menarik seperti handphone. Jika tidak ada tindakan yang diambil untuk menangani makna lagu rakyat ini akan hilang. Keadaan ini akan menjadikan generasi muda sebagai pewaris akan kehilangan khazanah bangsa. Persoalannya, apakah bentuk lagu rakyat yang sesuai untuk dilestarikan? Persoalan ini memerlukan penyelidikan berkaitan dengan makna lirik lagu tradisi serta fungsi pendidikan lirik lagu tersebut dalam masyarakat etnik Bundu.



1.3 Pernyataan Masalah



Meskipun masyarakat Kadazandusun mempunyai khazanah tradisi lisan yang banyak namun kebanyakan genre tersebut masih disampaikan secara lisan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Kadazandusun jauh ketinggalan dari segi penyelidikan khazanah lisannya. Begitu juga dengan maklumat atau rekod-rekod yang menunjukkan kegiatan kesenian dan kesusasteraan etnik Kadazandusun yang dihasilkan oleh masyarakat ini sendiri (Rosliah Kiting, 2016).

Hal ini menyebabkan penyelidikan berkaitan dengan tradisi lisan masyarakat ini amat penting kerana peluang untuk mengkaji tradisi budaya dengan mendalam akan tertutup dengan kehilangan pakar- pakar tradisi lisan atau tukang cerita pada suatu hari



nanti sekiranya usaha genre ini tidak dilakukan dengan segera.

Selanjutnya penelitian terhadap buku teks sekolah rendah dan sekolah menengah Bahasa Kadazandusun, didapati lagu rakyat sangat kurang dimasukkan. Keadaan ini menggambarkan bahawa lagu rakyat telah terpinggir sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini merupakan satu kerugian kepada pelajar yang mengambil subjek Bahasa Kadazandusun kerana penggunaan lirik lagu rakyat sangat penting dalam pendidikan generasi muda khususnya etnik Bundu menimba pelbagai ilmu daripada warisan budaya etnik sendiri.

Sehubungan dengan itu, pengumpulan lagu rakyat wajar dilakukan kerana bahan-bahan sastra dalam buku teks tidak mencukupi bagi memperkayakan pengalaman pelajar dengan bahan kesusasteraan sebenar yang lengkap (Rosliah Kiting, Rosy Talin dan Saidatul Nornis Mahali 2016). Bahan kesusasteraan dalam bentuk yang lengkap dapat menambah minat pelajar untuk membaca dan menikmati karya sastra sebagai warisan bangsa.

Lirik lagu merupakan sumber rujukan yang penting kepada generasi akan datang untuk melihat corak kehidupan masyarakat terdahulu yang digambarkan melalui lirik-lirik lagu (Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman dan Nik Zulaikha Zakaria, 2017). Antara corak kehidupan tersebut adalah teladan dalam memberikan pendidikan nilai moral dalam kalangan masyarakat. Perkara ini menjadikan lirik lagu dalam etnik Bundu perlu dikaji untuk melihat amalan masyarakat terdahulu dalam

menerapkan nilai pendidikan melalui lirik lagu. Ini disebabkan kebanyakan golongan masyarakat meminati lagu.

Melalui lagu, prinsip asas dalam mengajar nilai untuk tujuan memberikan pengetahuan nilai kepada pelajar meliputi tiga prinsip asas penanaman nilai iaitu mengetahui nilai- memahami nilai dan menghayati nilai seperti yang disarankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (1988) dalam (Mohamad Khairi Othman,2015:4).

Selain itu, Zoltan Kodaly yang merupakan seorang pendidik muzik dari Hungary telah menyarankan penggunaan lagu rakyat ketika mengajar di sekolah kerana lirik lagu tersebut adalah bahasa ibunda kanak-kanak (Choksy, 1988). Tambahan pula, lagu-lagu rakyat yang diiringi muzik boleh membangkitkan rasa kekitaan kepada sesuatu yang lebih besar, seperti keluarga atau masyarakat, baik penyanyi mahupun pendengar (Weinknecht, 2011; Cain, 2010; Davis, 2005; Kvideland, 1989). Ini disebabkan muzik rakyat adalah berdasarkan isu alam sekitar seperti bunyi haiwan sekeliling, jadi ia boleh menyokong perkembangan holistik anak anda dengan lebih mudah.

Muzik rakyat juga membantu kanak-kanak mempelajari, menyerap dan bertindak balas dengan cepat mengikut cara dan gaya kreatif mereka sendiri. Willis (1985) berpendapat bahawa pendidikan muzik mesti bermula dengan muzik rakyat tempat itu. Malah, lagu-lagu rakyat juga dilihat sebagai wahana yang boleh dijadikan sebagai penggalak pendidikan muzik di sekolah. Oleh itu, perwakilan lagu rakyat boleh memainkan peranan dalam membentuk nilai budaya, adat resam, norma moral, dan



institusi sosial dan agama.

Penggunaan lagu rakyat oleh pihak Kementerian amat terhad. Ini telah dinyatakan oleh Mohd Hassan, et al. (2009) iaitu, daripada 28 buah lagu kanak-kanak yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, hanya terdapat beberapa buah lagu sahaja yang diambil daripada lagu kanak-kanak Melayu tradisional Malaysia seperti Anak Itik Tok Wi, Geylang Si Paku Geylang dan Dayung Sampan manakala lagu-lagu rakyat yang sesuai untuk kanak-kanak daripada Sabah tidak ada yang dimasukkan. Ini bermakna kanak-kanak di Sabah didedahkan dengan pantun semaian yang baru dicipta dan banyak lagi. Selain itu, memperkenalkan kepada pelajar lagu-lagu kumpulan etnik mereka sendiri sambil membuat liputan lagu-lagu rakyat kumpulan etnik lain membantu memperkenalkan dan melindungi warisan budaya negara sendiri.

Seterusnya, Mawuse (2015) menyatakan bahawa kanak-kanak sekolah gemar menyanyi lagu-lagu rakyat kerana lagu-lagu tersebut dicipta dalam persekitaran yang mereka tinggal. Pengkaji ini mendapati lagu-lagu rakyat mudah untuk diakses dan berkisar dalam realiti kehidupan dan persekitaran mereka yang sebenar. Ini akan memudahkan kanak-kanak untuk menyanyikan lagu tersebut dan juga memahaminya kerana lagu rakyat tersebut tidak asing dan berada dalam lingkungan mereka sendiri. Oleh itu, pembelajaran menggunakan lagu rakyat dapat menggalakkan kanak-kanak untuk menyanyikan lagu rakyat daripada etnik sendiri sehingga menjadi kegemaran mereka sendiri. Usaha ini akan menjadikan lagu rakyat etnik minoriti daripada Sabah dapat dilestarikan.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasi lagu rakyat kanak-kanak etnik Bundu kemudian diterjemah ke dalam Bahasa Melayu. Berdasarkan masalah dan tujuan kajian yang telah dinyatakan, maka objektif kajian ini adalah:

- I. Mengenal pasti makna tersurat dan tersirat dalam lirik lagu rakyat kanak-kanak etnik Bundu.
- II. Menjelaskan fungsi pendidikan lirik lagu rakyat kanak-kanak etnik Bundu dalam konteks pendidikan Bahasa Kadazandusun.



1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, maka soalan kajian ini adalah:

- I. Apakah makna tersurat dan tersirat dalam lirik lagu rakyat kanak-kanak etnik Bundu?
- II. Sejauh manakah fungsi pendidikan yang terdapat dalam lirik lagu rakyat Kanak -kanak etnik Bundu digunakan dalam Konteks Pendidikan?



1.6 Kepentingan Kajian

Banyak kajian telah dilakukan di negara-negara Barat, tetapi yang pasti hasilnya sebenarnya tidak mencukupi dan konsisten dengan etnik Bundu yang berbeza dari segi pemikiran, budaya, agama dan persekitaran. Bagi memastikan wujud persefahaman bersama antara penggubal dasar dan pelaksana, guru-guru sudah tiba masanya untuk mengukuhkan pembelajaran berdasarkan faktor tempatan.

Sehubungan itu, hasil kajian berkaitan lagu-lagu rakyat masyarakat Bundu ini pastinya akan dijadikan panduan kepada mereka yang ingin meningkatkan daya imaginasi dan kreativiti anak-anak mereka seperti institusi yang berkaitan dan berminat untuk membangunkan kaedah pembelajaran yang membantu kanak-kanak mengembangkan kreativiti mereka secara lebih menyeluruh, seperti Jabatan Pembangunan Kurikulum, Jabatan Teknologi Pendidikan.

Memandangkan kajian ini memfokuskan kepada makna dan fungsi pendidikan lirik lagu rakyat, maka dapatan kajian ini boleh diaplikasikan kepada amalan bilik darjah yang memberi kesan positif kepada sistem pendidikan negara secara amnya. Penyelidikan ini juga akan membantu melengkapkan bahan sedia ada dan pembelajaran dalam kurikulum prasekolah, tadika dan taska. Seterusnya, hasil kajian ini akan membantu guru memahami kepentingan dan fungsi pendidikan lirik lagu rakyat dalam membina modal insan yang berakhlak mulia dan memupuk daya imaginasi kreatif kanak-kanak. Sesetengah pengkaji percaya bahawa sekolah adalah tempat terbaik untuk



memupuk imaginasi kreatif kanak -kanak kerana hubungan langsung antara guru dan pelajar (Naderi & Abdullah, 2010; Palaniappan Ananda, 2005).

Akhir sekali, kajian ini memberikan beberapa penunjuk dan petunjuk untuk menambah baik lagi pendekatan dan kaedah pengajaran guru kelas, tadika dan taska, menggunakan lagu-lagu rakyat etnik Bundu untuk menggalakkan imaginasi kreatif kanak- kanak. Dijangka akan ada lebih banyak inisiatif untuk merangsang kepada keberkesanan dan memberi impak yang besar kepada pendidikan kanak-kanak di negara ini. Penyelidikan ini amat penting sekiranya ia memberi kesan kepada tajuk yang seperti berikut,



1.6.1 Kementerian Pelajaran Malaysia



Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya dalam menggubal Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KSSR) dengan menitikberatkan penggunaan lirik lagu rakyat sebagai salah satu elemen dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa Kadazandusun.

1.6.2 Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)

Hasil kajian ini dapat mencetuskan idea baru kepada PPK untuk memperbanyakkan buku- buku panduan berkaitan pelaksanaan pengajaran Bahasa Kadazandusun dengan menggunakan lirik lagu rakyat.



1.6.3 Guru-guru Bahasa Kadazandusun

Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai input kepada guru-guru Bahasa Kadazandusun tentang lirik lagu rakyat untuk memilih yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk mengembangkan idea terutamanya untuk bahan bantu mengajar di dalam kelas bersesuaian dengan keperluan di dalam kelas.

1.6.4 Penulis-penulis buku

Hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai panduan para penulis-penulis buku Kadazandusun terutamanya berkaitan dengan lirik lagu rakyat agar dapat menghasilkan buku yang lebih tepat, padat dan bermutu terutamanya dalam penghasilan buku-buku berasaskan lirik lagu rakyat. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan tambahan rujukan bagi memberi info yang baru pada para penulis.

1.6.5 Pelajar

Hasil kajian ini berguna kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk memahami ciri-ciri lirik lagu rakyat etnik Bundu terutama dari aspek makna dan fungsinya. Di samping itu juga, seperti yang diterangkan oleh pengkaji sebelum ini, kajian ini juga membantu pelajar untuk mendapatkan rujukan memandangkan rujukan berkaitan dengan bahasa Kadazandusun pada khususnya masih lagi kurang terutamanya bagi pelajar yang berada di peringkat universiti.

1.6.6 Pemimpin - pemimpin Adat

Hasil kajian ini juga berguna kepada pemimpin-pemimpin adat untuk menyatakan peraturan dan petunjuk yang digunakan sebagai pedoman dan amalan dalam seluruh aspek kehidupan masyarakat Kadazandusun khususnya etnik Bundu.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada lirik lagu-lagu rakyat untuk kanak-kanak dalam etnik Bundu sahaja. Hanya lirik lagu rakyat yang disampaikan untuk kanak-kanak dan menggunakan dialek Bundu yang dipilih. Analisis makna dalam kajian ini terbatas kepada makna tersirat dan tersurat dalam lirik lagu rakyat kanak-kanak etnik Bundu. Di samping itu, pemilihan tema lagu rakyat ini juga diambil kira oleh pengkaji iaitu yang bertemakan alam sekitar seperti tumbuhan dan haiwan, kekeluargaan, serta kepercayaan animisme dalam budaya etnik Bundu ini.

Etnik Bundu yang menjadi fokus adalah dalam daerah Tuaran. Tuaran mempunyai tiga daerah kecil iaitu Daerah Tuaran, Daerah Kecil Tamparuli dan Daerah Kecil Kiulu. Lokasi kajian ini akan tertumpu di Daerah Kecil Kiulu. Pemilihan daerah ini adalah disebabkan lokasi ini mempunyai penduduk etnik Bundu yang ramai seperti data yang diperolehi daripada Pejabat Daerah Kecil Kiulu. Kaedah kajian ini terhad kepada temu bual melalui kerja lapangan di perkampungan dalam Daerah Kecil Kiulu.

1.8 Definisi Operasional

Istilah dan konsep yang perlu dijelaskan dalam definisi operasional untuk kajian ini adalah makna, fungsi pendidikan, lagu rakyat kanak-kanak dan etnik Bundu seperti yang dinyatakan berikutnya.

1.8.1 Makna

Bahasa merupakan alat penyampaian maklumat atau alat perhubungan. Maklumat yang disampaikan dapat diterima dan difahami melalui pemahaman terhadap makna bahasa tersebut. Menurut Lyons (1994) dalam Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman dan Nik Zulaiha Zakaria (2017), makna merupakan idea atau konsep yang boleh dipindahkan daripada fikiran penutur kepada fikiran pendengarnya. Pengkaji ini menjelaskan bahawa pemaknaan dalam lirik lagu adalah aktiviti melihat bagaimana penulis lirik cuba menginterpretasikan idea tersebut untuk disampaikan kepada pengguna.

Pencarian makna dalam lirik lagu dapat dilakukan dengan pelbagai cara. Antaranya adalah melalui simpulan bahasa iaitu makna ungkapan yang tersirat daripada simpulan bahasa mempunyai hubungan dengan makna lirik lagu tersebut, Eddy Wiranata (2015). Namun demikian dalam kajian ini, makna merujuk kepada maksud atau takrifan kosa kata iaitu susunan perkataan yang membentuk lirik lagu.

1.8.2 Nilai Murni

Nilai murni merupakan nilai-nilai atau amalan yang positif yang dilakukan oleh semua golongan manusia yang banyak diterapkan terutamanya di dalam pendidikan. Nilai murni ini juga amat penting ke arah pembangunan negara yang maju dan moden. Selari ke arah era peringkat globalisasi serba moden ini, pendidikan adalah salah satu elemen yang diutamakan dan harus diseimbangkan dengan penerapan nilai murni bagi melahirkan generasi yang lebih berkualiti dan seimbang dari segi akademik dan akhlak.

Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Mohd Isa & Rahil Hj. Mahyuddin, (1996) di dalam Sapie Sabilan dll (2018) ada menyatakan bahawa pendidikan tidak akan sempurna tanpa penerapan nilai murni.

Hal ini jelas bahawa keseimbangan pendidikan dan nilai murni seharusnya dititikberatkan. Tambahan pula Falsafah pendidikan kebangsaan negara (FPK) juga menegaskan untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi akhlak, emosi dan rohani. Kajian ini akan memfokuskan nilai murni yang terdapat dalam lirik lagu rakyat kanak-kanak dalam konteks pendidikan bahasa Kadazandusun.

1.8.3 Fungsi Pendidikan

Kamus Dewan menyenaraikan maksud fungsi sebagai Peranan, Tugas, Tujuan, Matlamat, Tanggungjawab atau Sumbangan. Pendidikan pula bermaksud usaha

sistematik untuk menyampaikan pengetahuan, nilai, sikap, dan kemahiran, dan usaha untuk mengembangkan potensi individu dan perubahan dalam diri manusia. Terdapat juga tokoh yang menerangkan definisi pendidikan. B. Swift D.F (1973), dalam bukunya *The Sociology of Education*, menerangkan pandangan sarjana dan sarjana Barat tentang pendidikan.

Salah seorang daripada mereka ialah ahli falsafah dan pendidikan Yunani Plato, yang percaya bahawa pendidikan adalah proses membentuk individu yang berakhlak mulia. Tokoh ini menyokong pandangan Socrates bahawa tujuan pendidikan adalah untuk memberi latihan akhlak sebagai warganegara yang baik. Namun begitu, ahli falsafah Yunani Aristotle mensifatkan pendidikan sebagai penanaman tabiat dan kebaikan yang terbaik. Beliau menambah bahawa amalan terbaik adalah menggunakan akal untuk menaakul dan berfikir. Oleh itu, pendidikan adalah satu usaha untuk memanfaatkan semua potensi besar manusia. (Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf, 2012).

Mok Soon Sang (1991), merumuskan pendidikan sebagai suatu proses atau aktiviti yang berusaha untuk memperkembangkan fizikal, intelek, sosial dan emosi seseorang individu serta menambahkan kemahiran, kebolehan, pengetahuan dan pengalaman supaya dapat memberi kegembiraan, faedah dan kemajuan dalam kehidupannya, membantu dan mendorongnya bertindak dengan cara yang lebih sihat bagi faedah diri sendiri serta masyarakat, bangsa dan negaranya.

Sharifah Alwiyah Alsagoff (1985), menghuraikan pengertian pendidikan sebagai satu proses atau aktiviti persekolahan formal, proses latihan, perkembangan fizikal, intelek, sosial dan emosi seseorang individu, proses indoktrinasi dengan tujuan agar pelajar akan mempercayai apa yang disampaikan. Selain itu, pendidikan juga sebagai proses yang berterusan untuk kemajuan individu seumur hidup, aktiviti yang bersepadu untuk mencapai matlamat seperti memperolehi kemahiran pengetahuan dan sikap dengan secara integrasi serta sebagai satu disiplin, seni dan sains.

Dalam Kamus Dewan, pendidikan ialah kata nama terbitan daripada kata akar “didik” yang membawa maksud jaga, pelihara, dan ajar. Perkataan “pendidikan” juga bersinonim dengan ajaran, latihan, tarbiah, pelajaran, bimbingan, asuhan, dan tunjuk ajar (DBP, 2007:350). Dalam Bahasa Inggeris, pendidikan disebut sebagai education (Simpson & Weiner, 1989:74), yang dikatakan berasal daripada cantuman dua kalimah dalam bahasa Latin, iaitu e’ex dan ducereduc bererti “memimpin”; yang dapat diinterpretasikan pula sebagai mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat (Ishak, 1995:4-5). Dalam kajian ini, fungsi pendidikan merujuk kepada peranan atau tugas lagu rakyat dalam memberikan pelajaran, bimbingan atau tunjuk ajar dalam kehidupan khususnya kanak-kanak.

1.8.4 Lirik Lagu Rakyat Kanak-kanak

Lirik lagu terdiri daripada perkataan-perkataan yang disusun rapi untuk menimbulkan keindahan. Bahasa yang digunakan dalam lirik lagu sangat penting untuk



menyampaikan makna atau pengertian bukan sahaja daripada susunan bahasa tetapi mempunyai perkaitan dengan pemikiran pencipta penulis lirik (Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman dan Nik Zulaiha Zakaria: 2017).

Beberapa pengkaji terdahulu menjelaskan bahawa lagu rakyat adalah warisan bangsa yang tidak ternilai harganya dan menjadi kebanggaan sejak turun-temurun kerana didalamnya terkandung pelbagai falsafah dan pemikiran unggul yang menjadi teras pembentukan masyarakat. Ini jelas dalam kajian Norhafidah Ibrahim, Norzaliza Ghazali dan Nor Asyikin Ibrahim (2018), yang menyatakan lagu rakyat terhasil secara spontan oleh golongan masyarakat yang kebiasaannya tinggal di desa-desa atau kampung-kampung yang agak jauh di pedalaman. lagu ini diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi secara turun-temurun dalam bentuk lisan.

Lagu rakyat Kadazandusun merupakan lagu-lagu yang dinyanyikan dalam masyarakat Kadazandusun tradisional. Lagu ini berkembang secara lisan dan dikategorikan sebagai sastera lisan yang dilagukan atau dinyanyikan. Dalam kajian ini, lagu rakyat yang digunakan untuk aktiviti pembelajaran kanak-kanak adalah lagu yang dinyanyikan secara tradisional oleh masyarakat Kadazandusun untuk kanak-kanak ketika mendodoikan, memandikan dan ketika aktiviti bersama keluarga.

Dalam kajian ini, lagu rakyat merujuk kepada gubahan seni kata yang dicipta dalam pelbagai bentuk antaranya seperti pantun, syair, bahasa berirama ataupun bentuk-bentuk bebas yang lain yang menggunakan dialek Bundu. Seni kata yang digunakan





sesuai dengan kanak-kanak iaitu lagu-lagu yang dinyanyikan untuk kanak-kanak.

National Association for the Education of Young Children (2011), menjelaskan bahawa kanak-kanak adalah golongan yang berumur bermula dari 0 – 8 tahun. Namun begitu, dalam kajian ini hanya menumpukan kepada kanak-kanak taman asuhan, tadika dan prasekolah yang berumur lima hingga enam tahun dan juga pelajar sekolah rendah tahap satu iaitu berumur tujuh hingga sembilan tahun. Ini disebabkan, kanak-kanak di usia ini dihantar ke taman asuhan, tadika atau prasekolah untuk mendapatkan pendidikan awal secara formal.



Tambahan pula, ciri-ciri seperti mudah dan ringkas pada struktus bahasa seperti penggunaan ayat yang pendek dan kosa kata yang mudah membolehkan lagu rakyat ini mudah difahami oleh kanak-kanak. Selain itu, cirinya yang berirama dan berulang yang membuatkan iramanya menarik serta sering kali menggunakan unsur pengulangan membantu kanak-kanak mengingat lirik dengan lebih mudah. Di samping itu, budaya dan tradisi setempat yang menggambarkan kehidupan seharian, alam sekitar, dan budayamasyarakat setempat serta nilai yang dianggap penting dalam komuniti menambahkan lagi kefahaman kanak-kanak tentang budayanya sendiri.





1.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini merupakan penerangan ringkas berkaitan fokus dan tujuan kajian ini dilaksanakan berdasarkan permasalahan yang ingin diselesaikan. Selain itu, berdasarkan pernyataan masalah yang telah dijelaskan oleh pengkaji, maka pembentukan objektif kajian merupakan fokus yang akan diusahakan bagi meneruskan kajian ini ke tahap yang selanjutnya. Di samping itu, pengkaji juga telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan kepentingan kajian sebagai salah satu sumber inspirasi fokus pada kajian ini. Secara kesimpulannya bab ini telah membincangkan pengenalan pada kajian, pernyataan masalah, objektif dan soalan kajian, kepentingan kajian, serta definisi operasional. Bab-bab seterusnya akan membincangkan sorotan literatur yang dilakukan, metodologi kajian yang digunakan, dapatan kajian, pembahasan dapatan kajian, kesimpulan dan cadangan-cadangan berkaitan dengan kajian ini.

